



Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3 ( 15 )

Tarikh : 4 September 2020

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN  
BIL. 15 TAHUN 2020 : GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN PINDAHAN DANA  
ELEKTRONIK (EFT) DITOLAK**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.7 Tahun 2018 telah mengeluarkan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pindahan Dana Elektronik (EFT) Ditolak. Garis panduan ini menerangkan secara terperinci tentang tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam melaksanakan pembayaran balik / penggantian EFT ditolak.

3. Untuk makluman YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, EFT ditolak merujuk kepada pembayaran yang ditolak oleh pihak bank atas faktor-faktor berikut :

- i. Kesilapan nombor akaun bank penerima bayaran;
- ii. Akaun bank penerima tidak aktif atau telah ditutup;
- iii. Akaun bank penerima dibekukan atau penerima telah mufliis;
- iv. Nama penerima bayaran tidak sepadan dengan nombor akaun di bank; atau
- v. Nama penerima bayaran dan perihal Arahkan Pembayaran mengandungi simbol "&", "@" atau lain-lain simbol khas (*special character*).

4. EFT ditolak ini akan dilaporkan sebagai Liabiliti (obligasi Kerajaan) dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, PTJ adalah dipohon untuk memastikan EFT ditolak ini dibuat penggantian dan memberi perhatian ke atas perkara-perkara berikut :

**4.1 Semakan ke atas Laporan EFT Ditolak Belum Diganti**

Membuat semakan ke atas Laporan EFT Ditolak Belum Diganti secara harian. Sekiranya terdapat penolakan, kenal pasti punca penolakan untuk memastikan sama ada tindakan penggantian perlu dilakukan atau tindakan pelarasan perlu dilaksanakan.

#### 4.2 Penggantian EFT Ditolak

Penggantian EFT ditolak hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh EFT ditolak. Tatacara penggantian adalah seperti di **Lampiran A**.

5. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, dipohon pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk menghubungi pegawai-pegawai Unit Akaun, JANM Negeri Sembilan di talian 06-768 6839 / 6890 / 6830.

6. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MASAYU BINTI MUSTAFA c.A (M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

### TATACARA PENGGANTIAN EFT DITOLAK

1. Semak punca penolakan EFT. Sekiranya EFT ditolak berpunca daripada kesilapan nombor akaun bank, PTJ dipohon untuk semak kod pembekal dan mengambil tindakan berikut :

**a) Penjawat Awam Kerajaan Persekutuan (Kod Pembekal 5 siri)**

- i. Kemuka Borang Pendaftaran / Penamatan Penerima Bayaran iGFMS berserta salinan kad pengenalan, penyata bank terkini dan salinan SG20 (muka surat ke-3) kepada Unit Pengurusan Khidmat Pelanggan (UKPP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan (JANMNS) untuk dikemaskini maklumat akaun bank dalam data induk iGFMS. Borang boleh dimuat turun di Portal JANMNS > Perkhidmatan > Muat turun > Borang > Khidmat Pengurusan Pelanggan > No. 4.
- ii. Selepas UKPP mengemaskini maklumat akaun bank penerima di dalam data induk iGFMS, PTJ menyediakan baucar penggantian EFT ditolak.

Log in ID Penyedia > Pengurusan Arahan Pembayaran > Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan > Bayaran Balik EFT Ditolak > Kunci Masuk Kod Pembekal 5 siri tadi dan tekan ENTER > klik No EFT dan cari no EFT yang ingin diganti > lengkapkan proses bayaran sehingga Peraku II.

**b) Kod Pembekal 3 siri, 4 siri dan 6 siri**

- i. Menyediakan Jurnal KJ (Pelarasan Antara Penerima)

Log in ID Penyedia > Pengurusan Arahan Pembayaran > Baucar Jurnal > Daftar Dokumen > Pilih Jenis Urusniaga KJ > Pelarasan Antara Penerima > Pilih No Rujukan No EFT Ditolak dan lengkapkan maklumat kod pembekal dan no EFT.

Kunci masuk kod pembekal **20002** di Medan Maklumat Penerima Baru > klik tambah pada cajline dan lengkapkan cajline seperti berikut :

|                  |                   |
|------------------|-------------------|
| Kategori         | = Pembekal        |
| Subsidiari       | = 20002           |
| Kod Akaun        | = L1121102        |
| Special GL       | = E               |
| Vot Dana         | = G000            |
| Kod Kegunaan PTJ | = No. EFT ditolak |

Lengkapkan sehingga Peraku II.

**Perhatian :**

PTJ hendaklah memastikan Kod Dipertanggung di Baucar Jurnal KJ diisi dengan maklumat yang betul dan tepat seperti contoh di bawah :

| KOD DIPERTANGGUNG |          |            |           |                  |                  |                    |           |                   |        |       |          |    | KOD MEMBAYAR  |               |                  |                    |                    |                                  |
|-------------------|----------|------------|-----------|------------------|------------------|--------------------|-----------|-------------------|--------|-------|----------|----|---------------|---------------|------------------|--------------------|--------------------|----------------------------------|
| Bil               | Kategori | Subsidiari | Kod Akaun | Special G/L Ind. | Pegawai Pengawal | Kumpulan PTJ & PTJ | Vot/ Dana | Program/ Aktiviti | Projek | Setia | Subsetia | CP | Amaun (DT) RM | Amaun (KT) RM | Pegawai Pengawal | Kumpulan PTJ & PTJ | Pejabat Perakaunan | Kod Kegunaan Pusat Tanggungjawab |
| 1                 | Pembekal | 6000452953 | L1121102  | E                | C2               | 31030400           | G000      |                   |        |       |          |    | 16.00         | 0.00          | C2               | 31030400           | 1005               | 2020100568064333...              |
| 2                 | Pembekal | 20002      | L1121102  | E                | C2               | 31030400           | G000      |                   |        |       |          |    | 0.00          | 16.00         | C2               | 31030400           | 1005               | 202010056806433336               |

Kod akaun = L1121102  
Special GL = E

Kod dana = G000

Amaun Debit =  
Amaun Kredit

No. EFT ditolak  
dicatat

- ii. Menyediakan baucar penggantian EFT ditolak selepas Jurnal KJ berstatus 80.

Log in ID Penyedia > Pengurusan Arahkan Pembayaran > Arahkan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan > Bayaran Balik EFT Ditolak > Kunci Masuk Kod Pembekal 10009 dan tekan ENTER > klik No EFT dan cari no EFT yang ingin diganti > lengkapkan proses bayaran sehingga Peraku II.

- iii. Mengemaskini maklumat nombor akaun bank di data induk masing-masing.

- Pembekal 3 Siri → Sistem eBantuan
- Pembekal 4 Siri → rujuk Bahagian Akaun Kementerian Pertahanan
- Pembekal 6 Siri :
  - Pembekal ePerolehan perlu kemaskini dalam Sistem ePerolehan
  - Pembekal eVendor perlu kemaskini dalam Sistem eVendor

### c) Kod Pembekal OTV 10001, 10005 atau 10009

- i. Menyediakan baucar penggantian EFT ditolak.

Log in ID Penyedia > Pengurusan Arahkan Pembayaran > Arahkan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan > Bayaran Balik EFT Ditolak > Kunci Masuk Kod Pembekal 10001 atau 10005 atau 10009 (seperti kod pembekal asal) dan tekan ENTER > klik No EFT dan cari no EFT yang ingin diganti > lengkapkan proses bayaran sehingga Peraku II.

2. Semak Senarai Laporan Terperinci EFT Ditolak Belum Diganti secara harian.